

Isnin

27 Jun 2016



MALAYSIA

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAAH
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 27 Jun 2016**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.50 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- YB. Senator Datuk Seri Devamany A/L S. Krishnasamy

[Upacara Angkat Sumpah Tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Salam sejahtera dan selamat petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan baru Yang Berhormat Senator Datuk Seri Devamany A/L S. Krishnasamy *[Tepuk]*

Seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, ingin saya mengingatkan agar kita hendaklah berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia. Janganlah sekali-kali kita melanggar dan mengingkari sumpah dan ikrar setia yang telah kita lafazkan.

Sangatlah penting dan mustahak supaya semua Ahli yang dilantik membaca, memahami dan mempraktikkan dua dokumen yang penting iaitu Perlembagaan Negara diikuti dengan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Setelah memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya, sudah tentu penghayatan tersebut akan membantu memberi keyakinan seterusnya melambangkan sebagai seorang pemimpin yang berwibawa dan dihormati.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berharap agar Yang Berhormat Senator Datuk Seri Devamany A/L S. Krishnasamy akan terus menyumbang untuk memartabatkan dan memperkasakan Dewan Negara sebagai satu Dewan yang mulia berprestasi tinggi, berkredibiliti, berintegriti dan komited kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 3.54 petang.]